

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**SOALAN NO. 187**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian berkenaan isu kuota matrikulasi dan adakah Kementerian mempertimbangkan cadangan mengenai penghapusan sekolah vernakular.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019.

**NO. SOALAN: 187**

KPM sentiasa komited untuk memastikan sekolah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama rakyat. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan memberi tumpuan kepada peningkatan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, KPM tidak menghalang pengoperasian sekolah vernakular seperti sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil berdasarkan peraturan dan syarat-syarat KPM sedia ada bagi memenuhi keperluan kaum Cina dan India di negara ini.

RT22/187